

## **BAB 7 : RUMUSAN KAJIAN**

### **7.1. Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan rumusan kajian atau hasil kajian yang terbina dalam penyelidikan ini. Rumusan kajian ini juga adalah berdasarkan apa yang telah dihuraikan dan dibentangkan dalam bab yang pertama sehingga kebab ke 6. Di samping itu juga dikemukakan cadangan kajian yang selanjutnya dan kesimpulan secara umum.

### **7.2. Rumusan Kajian**

Pengkaji merumuskan empat perkara hasil dari pengkajian ini iaitu :

- 7.2.1. Peranan Pendidikan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu di Kepulaauan Melayu sebelum penjajah. Namun setelah dijajah, peradaban Melayu semakin malap dan akhirnya tiada lagi peradaban Melayu melainkan peradaban Melayu dengan acuan barat.
- 7.2.2. Peranan Agama Islam yang telah menjadi pendorong kepada kebangkitan peradaban Melayu telah dipesongkan dan masyarakat Melayu telah mula disogokkan dengan kefahaman ideologi barat melalui pendidikan sekular. Para ulama dan masyarakat yang berpegang kuat pada agama akan dipinggirkan dan masyarakat yang berpendidikan barat dan memuja ideologi barat akan diberi peranan yang penting dalam masyarakat.
- 7.2.3. Peranan bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa Lingua Franca dan memaikan peranan penting dalam perkembangan ilmu

pengetahuan masyarakat Melayu juga telah dipinggirkan. Ini menyebabkan bahasa Inggeris menjadi keutamaan dan dipandang tinggi dan mereka yang berpengetahuan dalam bahasa Inggeris akan mudah mendapat pekerjaan dalam kerajaan. Ini juga menyebabkan hanya segelintir masyarakat Melayu yang akan menjadi intelektual dan kebanyakannya masyarakat Melayu masih dibelenggu tidak berpelajaran tinggi dan kekal dengan pekerjaan kelas bawahan.

- 7.2.4. Peranan Institusi pendidikan masyarakat Melayu seperti institusi pondok, institusi madrasah dan surau atau masjid yang menjadi tunjang kepada peningkatan kesedaran dalam agama dan membina masyarakat yang berilmu pengetahuan pada zaman kegemilangan peradaban Melayu juga telah dipinggirkan. Institusi pendidikan Islam ini tidak dihiraukan sama sekali, malah ada beberapa institusi pendidikan Islam diambil alih dan diubah suai menjadi sekolah Melayu dan diasangkan mata pelajaran agama pada sebelah petang.

### **7.3. Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Pengkaji mencadangkan untuk kajian lanjutan sama ada diperingkat sarjana atau kedoktoran, iaitu :

- 7.3.1. Peranan Pendidikan dalam perkembangan peradaban Melayu Islam zaman selepas merdeka.
- 7.3.2. Peranan Pendidikan Islam dalam perkembangan Peradaban Melayu Islam zaman selepas penjajah

#### **7.4. Kesimpulan**

Kedatangan penjajah Barat telah membantutkan perkembangan peradaban Melayu dalam aspek politik, ekonomi dan juga mengikut pandangan Syed Naquib al-Attas, dalam aspek pemikiran orang Melayu Islam, misalnya kemasukan fahaman sekularisme yang menjelaskan pemikiran dan pegangan orang Melayu Islam sehingga menimbulkan satu keadaan kecelaruan ilmu. (Azhar Hj. Mad Aros, et al, 2000 : 284 )

Menurut para pengkaji sejarah tamadun manusia (misalnya Braudel, 1993 : 12, 390, 496 dan Huntington, 1996 : 59) dua unsur utama pembentukan tamadun ialah agama dan bahasa ; agama sebagai unsur yang amat bertenaga bagi mengeratkan hubungan jiwa dan emosi para penganutnya, manakala bahasa sebagai unsur yang amat bertenaga bagi mengeratkan hubungan akal budi para penuturnya. Dengan demikian kedua-dua unsur ini mampu membentuk jati diri yang kukuh, padu dan utuh bagi sesuatu kelompok manusia yang membentuk sesebuah tamadun. (Hashim Musa, 2004 : 161) Jadi memang bertepatan kekuatan seluruh manusia di alam Melayu ini ialah Islam dan bahasa Melayu yang membawaikan tamadun Melayu Islam yang bertaraf dunia seperti tamadun Melayu Islam Melaka dan Aceh.

Sebenarnya proses kebangkitan Islam yang berterusan memberi semangat baru ke arah pembentukan peribadi Melayu Islam bukan sahaja terjamin tetapi akan terus berkembang dan sekaligus meninggikan taraf bangsa

Melayu itu sendiri serta meletakkannya pada mercu yang tinggi setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Sesungguhnya usaha dan gerakan yang mempromosikan bahasa Inggeris atau bahasa bekas penjajah sebagai bahasa pengantar pendidikan serta bahasa sains dan teknologi sesebuah negara, sebenarnya adalah gerakan yang bertentangan dengan arus perkembangan negara bangsa dan budaya masa kini.

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan akan menjadikan negara kita mengalami sindrom 'mentaliti budak jajahan' (*colonized mentality*) dengan misi dan visi akan sentiasa dikaitkan secara muhu atau tidak muhu, dengan misi dan visi 'tuan penjajah'.

Akhirnya pengkaji membuat kesimpulan bahawa peranan pendidikan adalah sangat penting bagi mengembangkan agama Islam dan bahasa Melayu ke seluruh Kepulauan Melayu. Melalui pendidikan juga pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu Islam semakin subur dan telah berada di kemuncaknya. Namun penjajah telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Melayu dengan meminggirkan dan memisahkan pendidikan agama dengan pendidikan dunia. Bahasa Melayu juga dijadikan bahasa '*second class*' yang menyebabkan hanya segelintir masyarakat Melayu yang berpendidikan

tinggi di kalangan orang bangsawan dan orang berada. Mereka juga telah diberi pendidikan dan mengamalkan kebudayaan barat serta dipilih menjadi pemimpin masyarakat.